A

PP lwn. ZAIFUL AZRI RAMLI

MAHKAMAH TINGGI MALAYA, JOHOR BAHRU
ABU BAKAR KATAR H
[PERMOHONAN SEMAKAN JENAYAH NO: JA-43-16-04-2025]
22 APRIL 2025

B

Abstrak – *Fakta kes seharusnya mendedahkan inti pati kesalahan bagi kesalahan yang dinyatakan dalam pertuduhan. Mahkamah Majistret tidak boleh menerima pengakuan salah yang dibuat berdasarkan fakta kes sebegitu, kerana pengakuan salah itu adalah satu kecacatan. Sekiranya diterima, sabitan oleh Mahkamah Majistret akan menjadi satu kekhilafan yang wajar diakas oleh Mahkamah Tinggi melalui satu prosiding semakan bawah s. 323(1) Kanun Tatacara Jenayah.*

C

D

PROSEDUR JENAYAH: *Semakan – Mahkamah Majistret – Semakan terhadap keputusan Mahkamah Majistret – Tertuduh disabitkan atas pertuduhan pindaan atas kesalahan menjual bunga api tanpa permit bawah Peraturan 74 Peraturan-peraturan Bahan Letupan 1923 – Sabitan sah berdasarkan pengakuan bersalah tertuduh – Sama ada pengakuan bersalah cacat – Sama ada fakta kes mendedahkan kesalahan 'menjual' oleh tertuduh – Sama ada laporan kimia dikemukakan bagi mengesahkan bunga api adalah 'bahan letupan' – Sama ada Majistret terkhilaf apabila menerima pengakuan bersalah tertuduh*

E

PERKATAAN & ISTILAH: *'menjual' – Peraturan-peraturan Bahan Letupan 1923 ('Peraturan-peraturan'), Peraturan 74 – Takrifan 'menjual' – Sama ada fakta kes mendedahkan tertuduh telah 'menjual' bunga api tidak berpermit – Sama ada terdapat anggapan 'menjual' bawah peruntukan Peraturan-peraturan*

F

Tertuduh ditahan oleh pihak polis sewaktu berada di sebuah gerai. Susulan penemuan dan rampasan pelbagai jenama bunga api tanpa permit di gerai itu, tertuduh ditahan dan dibawa ke Ibu Pejabat Polis Daerah Johor Bahru Selatan. Selepas semakan dibuat dengan Cawangan Pelesenan, didapati bahawa tertuduh tidak pernah membuat apa-apa permohonan permit untuk memiliki bunga api tersebut. Di Mahkamah Majistret, tertuduh pada mulanya dituduh dengan pertuduhan atas kesalahan memiliki bahan letupan tanpa permit yang sah. Namun, itu kemudian dipinda pada pertuduhan bawah Peraturan 74 Peraturan-peraturan Bahan Letupan 1923 ('Peraturan-peraturan'), yang boleh dihukum bawah Peraturan 76 Peraturan-peraturan sama, atas kesalahan menjual bahan-bahan letupan tanpa permit yang sah ('pertuduhan pindaan'). Selepas pertuduhan pindaan dibacakan, tertuduh mengaku bersalah. Oleh itu, tertuduh disabitkan atas pertuduhan pindaan dan dijatuhkan hukuman denda RM200, gagal bayar sepuluh hari penjara. Ini adalah semakan terhadap keputusan Mahkamah Majistret tersebut menurut

G

H

I

s. 323(1) Kanun Tatacara Jenayah. Dalam menentukan semakan ini, telah diambil kira hujahan peguam *amicus curiae* yang menyatakan bahawa: (i) fakta kes, walaupun selepas pertuduhan dipinda, tidak mendedahkan tentang kesalahan yang dipertuduhkan, iaitu tertuduh telah 'menjual' bahan letupan pada tarikh, masa dan tempat yang dinyatakan dalam pertuduhan pindaan; dan (ii) pihak pendakwaan gagal mengemukakan apa-apa laporan kimia untuk membuktikan bunga api yang dirampas adalah bahan letupan dalam maksud Peraturan-peraturan. Sehubungan itu, isu utama yang timbul dalam semakan ini adalah sama ada berdasarkan pengakuan bersalah tertuduh, selamat untuk Mahkamah Majistret mensabitkan tertuduh atas pertuduhan pindaan.

Diputuskan (mengakas keputusan Mahkamah Majistret; mengarahkan kes dibicarakan semula hadapan Majistret yang lain):

(1) Berpandukan takrifan biasa kamus, perbuatan 'menjual' melibatkan pertukaran milikan daripada penjual kepada pembeli dan itu turut melibatkan bayaran iaitu harga barangan yang dijual. Walau bagaimanapun, fakta kes langsung tidak mendedahkan fakta yang menunjukkan tertuduh ada menjual bahan letupan iaitu bunga api pelbagai jenama. Fakta kes tidak menunjukkan terdapat pembeli dan bayaran telah dibuat kepada tertuduh sewaktu dia ditangkap di gerai tersebut. Oleh sebab bawah peruntukan Peraturan-peraturan, tiada anggapan 'menjual', Majistret terkhilaf apabila tidak menyedari fakta kes yang diakui benar oleh tertuduh tidak mendedahkan kesalahan iaitu 'menjual' bahan letupan pada tarikh, masa dan tempat yang dinyatakan dalam pertuduhan pindaan. Tindakan Majistret yang menerima pengakuan salah tertuduh berdasarkan fakta kes yang tidak mendedahkan kesalahan 'menjual' mengakibatkan penerimaan pengakuan bersalah itu cacat. (perenggan 29 & 31-33)

(2) Walaupun tertuduh mengaku bersalah atas pertuduhan menjual bahan letupan, sebelum Peraturan 74 Peraturan-peraturan dipenuhi, laporan kimia perlu dikemukakan untuk mengesahkan bunga api yang dirampas adalah 'bahan letupan'. Berdasarkan fakta kes, tiada keterangan menunjukkan bunga api yang dirampas tergolong dalam Kelas VII bawah Peraturan 2 Peraturan-peraturan. Fakta kes, yang mempunyai kelompangan tentang sama ada bunga api yang dirampas adalah 'bahan letupan', tidak dapat menyokong pertuduhan 'menjual' bawah Peraturan 74 Peraturan-peraturan. (perenggan 37 & 39)

Kes-kes yang dirujuk:

Lee Weng Tuck & Anor v. PP [1989] 2 CLJ 120; [1989] 1 CLJ (Rep) 75 SC ***(dirujuk)***
Liaw Kwai Wah & Anor v. PP [1987] 1 CLJ 35; [1987] CLJ (Rep) 163 SC ***(dirujuk)***
Mohammad Hassan v. PP [1997] 1 CLJ Supp 485; [1997] 1 BLJ 485 HC ***(dirujuk)***
PP lwn. Mogan Supramaniam [2024] 8 CLJ 616 HC ***(dirujuk)***
PP v. Abdul Aziz [1978] CLJU 148; [1978] 1 LNS 148 HC ***(dirujuk)***

A *PP v. Chieng Yong Tiong [1996] CLJU 293; [1996] 1 LNS 293 HC* ***(dirujuk)***
PP lwn. Jegatheswaren Raju [2025] CLJU 436 HC ***(dirujuk)***
PP v. Jorge Enrique Pellon Tellon [1998] 4 CLJ 278 CA ***(dirujuk)***
PP v. Margarita B Cruz [1987] CLJU 129; [1987] 1 LNS 129 HC ***(dirujuk)***

Perundangan yang dirujuk:
B Criminal Procedure Code, s. 323(1)
Customs Act 1967, s. 135(1)(e), (v)(aa)
Dangerous Drugs Act 1952, s. 39B(1)(a)
Food Act 1983, s. 22
Penal Code, s. 186

C *Bagi pihak pendakwaan - Juanita Mohd Said; TPR*
Bagi pihak responden - tidak diwakili
Bagi pihak amicus curiea - Rosli Kamaruddin, Muhammad Zahier Rosli & Muhammad Zaim Rosli; T/n Rosli Kamaruddin & Co

Dilaporkan oleh Syamim Ariffin

D

PENGHAKIMAN

Abu Bakar Katar H:

Pengenalan

E **[1]** Tertuduh telah dihadapkan di Mahkamah Majistret, Johor Bahru atas pertuduhan pindaan yang berbunyi seperti berikut:

> Bahawa kamu pada 16.3.2025 jam lebih kurang 10.30 malam di gerai beralamat di alamat tepi Jalan Masjid Bulatan Jalan Saudara Kampung Melayu Majidee, 81100 Johor Bahru, di dalam Daerah Johor Bahru,
F dalam Negeri Johor Darul Takzim, telah didapati menjual pelbagai jenis bahan letupan iaitu:
>
> - (18) kotak Happy Boom Shoots Cake (Ditandakan A 1-A18)
> - (2) kotak Happy Boom Fountain Ice Cream (Ditandakan B1- B2)
> - (3) kotak Happy Boom Banna Kecil (Ditandakan C1-C3)
G - (2) kotak Thunder King (Ditandakan D1-D2)
> - (3) kotak Happy Boom Glories BM10 (Ditandakan E1-E3)
> - (4) kotak Happy Boom Cili Padi (Ditandakan F1-F4)
H - (2) kotak Shoots Tikus (Ditandakan G1-G2)
> - (3) kotak Boom Mancis (Ditandakan H1-H3)
> - (2) kotak Boom Double Mancis (Ditandakan I1-I2)
> - (9) peket Happy Boom Fireworks (Ditandakan K1-K9)
I - (2) pieces Happy Boom Peacock Fountain (Ditandakan L1-L2)
> - (3) peket 8 kaki merah (Ditandakan M1-M3)

- (2) kotak Happy Boom Thunder Clap (Ditandakan N1-N2)
- (1) kotak Happy Boom Double Mancis (Ditandakan P 1)
- (3) PCS Happy Boom 8 Shoots Roman Candle (Ditandakan Q1-Q3)
- (5) peket Happy Boom Flower 15 Shoots Magic (Ditandakan R1-R5)
- (3) peket 8 Happy Boom Flower 30 Shoots Magic (Ditandakan S1-S3)
- (4) peket 20 Das Magic (Ditandakan T1-T4)
- (5) peket Happy Boom Sunset Bar (Ditandakan U1-U5) tanpa permit yang sah mengikut undang-undang. Oleh itu, kamu telah melakukan suatu kesalahan dibawah Peraturan 74, Peraturan-Peraturan Bahan Letupan 1923 yang boleh dihukum di bawah Peraturan 76 Peraturan-Peraturan Bahan Letupan 1923.

[2] Pada 20 Mac 2025 tertuduh telah mengaku bersalah di hadapan Puan Majistret, Mahkamah Majistret, Johor Bahru (Puan Majistret itu). Sebagaimana lazimnya TPR yang mengendalikan kes telah mengemukakan fakta kes secara bertulis (P1). TPR turut mengemukakan laporan polis Majidee No: 002638/25 (P2), semakan lesen perniagaan (P3), gambar-gambar barang kes dan tempat kejadian (P4 dan P5). Fakta kes diakui benar oleh tertuduh.

[3] Sebaik tertuduh mengemukakan mitigasi peringanan hukuman melalui peguam YBGK dan TPR mengemukakan hujahan pemberatan, Puan Majistret itu merekodkan tertuduh bersalah dan disabitkan atas pertuduhan pindaan.

[4] Puan Majistret itu telah menjatuhi hukuman denda RM200 jika gagal bayar sepuluh hari penjara.

[5] Mahkamah ini telah memanggil rekod prosiding untuk tujuan semakan di bawah s. 323(1) Kanun Tatacara Jenayah (KTJ).

Latar Pentas Kes

[6] Secara ringkasnya fakta kes seperti berikut: Pada 2 November 2023 jam lebih kurang 7.30 malam, Inspektor Ahmad Zaet bin Azet, Pejabat Risikan dan Operasi (D9), Bahagian Siasatan Jenayah, IPD Johor Bahru Selatan (pengadu) telah mengetuai sepasukan polis pergi ke tepi jalan Masjid Bulatan, Jalan Saudara, Kampung Melayu Majidee, 81100 Johor Bahru, Johor.

[7] Kemudiannya, pengadu telah menahan tertuduh yang berada di gerai tersebut. Hasil pemeriksaan yang dilakukan ke atas gerai tersebut didapati terdapat pelbagai jenis bunga api.

[8] Hasil pemeriksaan pihak polis pelbagai jenis bunga api dalam milikan tertuduh tanpa permit. Barang kes yang telah dirampas oleh pengadu ialah:

- (18) kotak Happy Boom Shoots Cake (Ditandakan A 1-A18)
- (2) kotak Happy Boom Fountain Ice Cream (Ditandakan B1-B2)
- (3) kotak Happy Boom Banna Kecil (Ditandakan C1-C3)
- (2) kotak Thunder King (Ditandakan D1-D2)
- (3) kotak Happy Boom Glories BM10 (Ditandakan E1-E3)
- (4) kotak Happy Boom Cili Padi (Ditandakan F1-F4)
- (2) kotak Shoots Tikus (Ditandakan G1-G2)
- (3) kotak Boom Mancis (Ditandakan H1-H3)
- (2) kotak Boom Double Mancis (Ditandakan I1-I2)
- (9) peket Happy Boom Fireworks (Ditandakan K1-K9)
- (2) pieces Happy Boom Peacock Fountain (Ditandakan L1-L2)
- (3) peket 8 kaki merah (Ditandakan M1-M3)
- (2) kotak Happy Boom Thunder Clap (Ditandakan N1-N2)
- (1) kotak Happy Boom Double Mancis (Ditandakan P 1)
- (3) PCS Happy Boom 8 Shoots Roman Candle (Ditandakan Q1-Q3)
- (5) peket Happy Boom Flower 15 Shoots Magic (Ditandakan R1-R5)
- (3) peket 8 Happy Boom Flower 30 Shoots Magic (Ditandakan S1-S3)
- (4) peket 20 Das Magic (Ditandakan T1-T4)
- (5) peket Happy Boom Sunset Bar (Ditandakan U1-U5).

[9] Pengadu telah menangkap tertuduh dan merampas semua barang kes di gerai tersebut. Pengadu telah membawa tertuduh dan barang kes balik ke IPD JBS untuk siasatan lanjut. Hasil semakan Cawangan Pelesenan, IPD JBS oleh Insp Norazlina binti Zamberi (Insp Pelesenan) mengesahkan tertuduh tidak membuat apa-apa permohonan permit (P3).

Merit Permohonan Semakan Jenayah

[10] Sebelum mahkamah ini menyentuh merit semakan ini, eloklah diperturunkan peruntukan s. 323(1) KTJ yang memperuntukkan seperti berikut:

> s. 323(1) A Judge may call for and examine the record of any proceeding before any subordinate Criminal Court for the purpose of satisfying himself as to the correctness, legality or propriety of any finding, sentence or order recorded or passed, and as to the regularity of any proceedings of that subordinate Court.

[11] Mahkamah ini sedar tujuan kuasa semakan ini ada dirungkai dalam kes tersohor *Liaw Kwai Wah & Anor v. PP* [1987] 1 CLJ 35; [1987] CLJ (Rep) 163; [1987] 2 MLJ 69 di mana YAA Abdul Hamid KHN (pada ketika itu) menyatakan seperti berikut:

> We would observe that the power of revision is to be exercised in accordance with the law for the time being in force relating to criminal procedure. In the present case that law is the Criminal Procedure Code. We would also observe that the object of the revisionary powers provided for in the Code is: ... to confer upon criminal courts a kind of paternal or supervisory jurisdiction, in order to correct miscarriage of justice arising from misconception of law, irregularity of procedure, neglect of proper precautions or apparent harshness of treatment, which has resulted on the one hand in some injury to the due maintenance of law and order, or on the other hand, in some undeserved hardship to individuals.

[12] Berbekalkan prinsip undang-undang yang digariskan dalam kes *Liaw Kwai Wah & Anor* (*supra*), mahkamah ini akan meneliti rekod prosiding sama ada terdapat sebarang kecacatan atau ketidakaturan yang memerlukan mahkamah ini menggunakan kuasa semakannya.

[13] Hj Rosli bin Kamaruddin iaitu peguam *amicus curiea* yang terpelajar secara ringkasnya menghujahkan fakta kes yang dikemukakan oleh pendakwaan tidak mendedahkan kesalahan yang dipertuduhkan iaitu menjual bahan letupan berupa bunga api. Tertuduh telah mengaku bersalah atas pertuduhan menjual bunga api yang telah dirampas oleh pengadu. Peguam *amicus curiea* menarik perhatian mahkamah ini kepada pertuduhan asal iaitu memiliki bunga api. Peguam *amicus curiea* selanjutnya menghujahkan Akta Bahan Letupan 1957 (Akta 1957) dan Peraturan-peraturan itu telah memberikan takrifan apakah "bahan letupan"? Dalam konteks ini laporan kimia diperlukan bagi menentukan apakah ekshibit-ekshibit yang dirampas merupakan bahan letupan bagi maksud Akta 1957 atau Peraturan-peraturan itu. Mahkamah dirujuk kes *PP v. Chieng Yong Tiong* [1996] CLJU 293; [1996] 1 LNS 293; [1996] MLJU 513 di mana Mahkamah Tinggi, Sibu ada menyentuh isu takrifan bahan letupan. Peraturan 2, Peraturan-peraturan itu telah memberi pengelasan kepada kelas I hingga kelas VII. Tanpa laporan kimia, tidak dapat dipastikan sama ada ekshibit yang dirampas oleh pengadu termasuk dalam bahan letupan bagi maksud Peraturan-peraturan itu.

[14] Mahkamah ini turut dirujuk kes *Mohammad Hassan v. PP* [1997] 1 CLJ Supp 485; [1997] 1 BLJ 485; [1998] 5 MLJ 65 di ms. (73) (perenggan G) pentingnya fakta kes yang menyokong pertuduhan apabila seseorang tertuduh mengaku bersalah.

[15] Mahkamah ini turut dirujuk kes *PP v. Jegatheswaren Raju* [2025] CLJU 436; [2025] MLJU 546 ada merungkai isu yang sama iaitu fakta kes tidak mendedahkan kesalahan di bawah s. 186 Kanun Keseksaan. Mahkamah ini dirujuk secara khususnya di perenggan [17] yang menjadi teras penghujahan peguam *amicus curiea*.

[16] TPR yang terpelajar dalam hujahan lisannya secara jujur telah menzahirkan pendirian yang sama dengan peguam *amicus curiea* iaitu fakta kes yang dikemukakan oleh pendakwaan tidak mendedahkan kesalahan menjual bahan letupan tanpa permit iaitu kesalahan di bawah Peraturan 74, Peraturan-peraturan itu.

[17] Sebelum mahkamah ini menyentuh lebih jauh merit permohonan semakan ini, eloklah diperturunkan Peraturan 74 Peraturan-peraturan Bahan Letupan 1923 (Peraturan-peraturan itu) bagi kemudahan rujukan:

> No person shall purchase, and no person unless he has duly authorized under rule 8 shall **sell** or **have in his possession any explosive except under a permit in that behalf in Form E** hereto annexed. Provided that no such permit shall be required in respect of any explosive class VII not exceeding half a pound av-oirdupois in weight other than crackers or sand crackers, commonly known in Chinese as sha pau or kam chin pau.
>
> (penekanan ditambah)

[18] Mahkamah ini berpendapat Timbalan Pendakwa Raya (TPR) yang terpelajar yang mengendalikan pendakwaan telah meminda pertuduhan asalnya "memiliki" bahan letupan tanpa permit bagi kesalahan di bawah Peraturan 74 Peraturan-peraturan itu kepada "menjual" bahan letupan tanpa permit.

[19] Mahkamah ini akur sebaik tertuduh dihadapkan di Mahkamah Majistret, Johor Bahru, semasa kes disebut di hadapan Puan Majistret itu pada 20 Mac 2025, TPR yang terpelajar telah mengemukakan pertuduhan pindaan (lampiran A). Di peringkat itu, hanya TPR yang terpelajar mengetahui kenapakah pertuduhan asal "memiliki" dipinda kepada "menjual". Mahkamah ini mengambil pengamatan Mahkamah Rayuan dalam kes *PP v. Jorge Enrique Pellon Tellon* [1998] 4 CLJ 278 di mana YAA Lamin Mohd Yunus, PMR memberikan pengamatannya seperti berikut:

> A person is brought before a court of law on a charge at the instance of the Honourable the Attorney General (or any other official exercising the powers of the Attorney General properly delegated under law) for he is the only person recognised by the Federal Constitution to have the power "to institute" any proceedings for an offence in a civil court. He has however no power to institute proceedings before a Syariah court, a native court or a court martial. When a charge is first read to an accused at the commencement of a trial it must be the charge that has been framed by the prosecution for at that stage it is only the prosecutor who knows his case.

[20] Sebaik pertuduhan pindaan dibacakan kepada tertuduh, tertuduh mengaku bersalah atas pertuduhan pindaan dan faham sifat dan akibat pengakuannya. Sebagaimana lazimya sebaik tertuduh mengaku bersalah, TPR yang terpelajar mengemukakan fakta kes secara bertulis [P1]. Fakta kes yang telah dibacakan kepada tertuduh dan diakui benar.

[21] Mahkamah ini telah meneliti fakta kes yang dikemukakan oleh pendakwaan iaitu P1. Sebelum mahkamah ini menyentuh fakta kes dengan lebih lanjut, eloklah diimbas kembali nas-nas duluan yang memberikan panduan kepentingan fakta kes bagi tertuduh yang mengaku bersalah. Mahkamah ini berpendapat penghakiman ini tidak akan sempurna tanpa merujuk kes tersohor iaitu *Mohammad Hassan* (*supra*) di mana YA Augustine Paul PK (pada ketika itu) menzahirkan pandangannya berkaitan fakta kes seperti berikut:

> **It should be confined to facts which the prosecution is able to prove and then only to facts necessary to establish the charge** (see *Chen Chong & Ors v. PP* [1967] 2 MLJ 130 HC; *Abdul Kadir bin Abdul Rahman v. PP* [1984] 1 MLJ 80 HC; *Lian Kian Boon v. PP* [1990] 2 CLJ 799; [1991] 1 MLJ 51 HC). In simple and straightforward cases the outline of the facts is usually done orally but in more involved cases the outline may be in the form of a written statement (see *Mok Swee Kok v. PP* [1994] 3 SLR 140 CA). But in cases of doubt or difficulty it may be advisable to have evidence led as to the facts.
>
> (emphasis added)

[22] Mahkamah ini turut merujuk kes *PP v. Abdul Aziz* [1978] CLJU 148; [1978] 1 LNS 148; [1978] 1 MLRH 168 YA Syed Agil Barakbah H ada menekankan tujuan sesuatu fakta kes sebagaimana berikut:

> ... The aim of the Court is to record the facts alleged by the prosecuting officer and admitted by the accused in order to satisfy itself that they constitute the offence charged.

[23] Selanjutnya, mahkamah ini merujuk prinsip yang digariskan dalam kes *PP v. Margarita B Cruz* [1987] CLJU 129; [1987] 1 LNS 129; [1988] 1 MLJ 539, di mana YA KC Vohrah H dalam penghakimannya menekankan pentingnya fakta kes mendedahkan inti pati kesalahan sebagaimana berikut:

> Then again, when the prosecuting officer gives the facts relating to the charge implicating the accused where the accused has pleaded guilty, the magistrate should be vigilant to see that the facts make out the ingredients relating to the charge and where the accused states facts which show that one or more of the essential ingredients have not been made out, then not withstanding the plea of guilty, the magistrate should reject the plea and fix a date for evidence to be adduced at a trial.

[24] Berbekalkan prinsip undang-undang yang digariskan dalam nas-nas duluan yang dirujuk di atas, mahkamah ini telah meneliti dan menghalusi fakta kes (P1) yang dikemukakan oleh TPR yang terpelajar. Mahkamah ini berpendapat TPR yang terpelajar mungkin terlupa pertuduhan pindaan yang menyatakan tertuduh "menjual" bahan letupan tanpa permit iaitu kesalahan di bawah Peraturan 74, Peraturan-peraturan itu. Fakta kes langsung tidak menggambarkan semasa tertuduh ditahan di gerai ada "menjual" bahan letupan berupa bunga api pelbagai jenama yang menjadi hal perkara

pertuduhan. TPR yang terpelajar masih mengekalkan milikan dalam fakta kesnya. Mahkamah ini berpendapat fakta kes perlu menunjukkan adanya perbuatan "menjual" yang dilakukan oleh tertuduh.

[25] Memandangkan Peraturan-peraturan itu tidak memberikan tafsiran perkataan "sale", mahkamah ini perlu merujuk perkataan dalam kamus biasa.

[26] Mahkamah ini merujuk kamus *Merriam-Webster* ada memberikan takrifan "the act of selling specifically: the transfer of ownership of and title to property from one person to another for a price."

[27] Mengikut kamus *Justicia Legal Dictionary* ... "1. The process of turning over ownership of an item or property from one individual to another in exchange for a certain price."

[28] Pada akhirnya merujuk kamus "*Cambridge Dictionary*" memberikan takrifan "an act of exchanging something for money."

(Juga rujuk *Black's Law Dictionary* (12th edn 2024); *Concise Oxford English Dictionary* [11th edn, Revised])

[29] Mahkamah ini berpendapat berpandukan takrifan biasa dalam kamus, perbuatan "menjual" ia melibatkan pertukaran milikan dari penjual kepada pembeli dan ia melibatkan bayaran iaitu harga barangan yang dijual. Berbalik kepada fakta kes yang dibentangkan oleh TPR yang terpelajar langsung tiada fakta yang menunjukkan tertuduh ada menjual bahan letupan yang berupa bunga api pelbagai jenama. Fakta kes juga tidak menunjukkan ada pembeli dan bayaran telah dibuat kepada tertuduh semasa pengadu membuat tangkapan di gerai yang dinyatakan dalam pertuduhan pindaan. TPR yang terpelajar langsung tidak mengendahkan ketiadaan fakta "menjual" dalam fakta kesnya. Tertuduh walaupun ada diwakili peguam YBGK, suatu perkara yang amat malang apabila pendirian peguam YBGK menyamai TPR yang terpelajar iaitu tidak nampak kecacatan fakta kes yang tidak mendedahkan inti pati kesalahan "menjual" bahan letupan di mana tertuduh mengaku bersalah.

[30] Sebagai perbandingan bagi maksud kesalahan di bawah Akta Makanan 1983 (Akta 1983), bagi maksud "sale", Akta 1983 ada memperuntukkan anggapan jualan di bawah s. 22 Akta 1983 yang berbunyi seperti berikut:

> In any proceedings under this Act:
>
> (a) evidence that the package containing any food to which this Act applies bore the name, address or registered mark of an importer, manufacturer or packer, or of the owner of the rights of the manufacturer or packer, or of an agent of any of them, shall be prima facie evidence that the food was imported, manufactured or packed, as the case may be, by each of the persons whose name, address or registered mark is borne on the package;

(b) any substance commonly used for human consumption, which is sold or offered, exposed or kept for sale, shall be presumed, until the contrary is proved, to have been sold or, as the case may be, to be intended for sale for human consumption;

(c) any substance commonly used for human consumption which is found on premises used for the preparation, storage or sale of that substance and any substance commonly used in the manufacture of products for human consumption which is found on premises used for the preparation, storage or sale of those products, shall be presumed, until the contrary is proved, to be intended for sale, or for manufacturing products for sale, for human consumption; and

(d) any substance capable of being used in the composition or preparation of any substance commonly used for human consumption which is found on premises on which that substance is prepared shall, until the contrary is proved, be presumed to be intended for such use.

[31] Berbalik kepada Peraturan-peraturan itu, tiada anggapan "sale" di peruntukan. TPR yang terpelajar semasa mengemukakan fakta kes perlu menunjukkan inti pati kesalahan iaitu "menjual" telah dilakukan oleh tertuduh. Setelah dibaca berulang-ulang kali, mahkamah ini berpandangan fakta kes tidak mendedahkan kesalahan yang dinyatakan dalam pertuduhan pindaan (lampiran A). TPR yang terpelajar "masih bermimpi di siang hari" apabila masih mengekalkan "milikan" dalam fakta kesnya.

[32] Mahkamah ini berpendapat Puan Majistret itu telah terkhilaf apabila tidak menyedari fakta kes yang diakui benar oleh tertuduh tidak mendedahkan kesalahan iaitu "menjual" bahan letupan pada tarikh, masa dan tempat yang dinyatakan dalam pertuduhan pindaan (lampiran A). Puan Majistret itu meneruskan menerima pengakuan bersalah tertuduh dan pada akhirnya merekodkan tertuduh bersalah dan disabitkan atas pertuduhan pindaan (lampiran A).

[33] Tindakan Puan Majistret itu apabila menerima pengakuan salah tertuduh berdasarkan fakta kes yang tidak mendedahkan kesalahan yang menjadi teras pertuduhan, kesannya penerimaan pengakuan bersalah menjadi cacat. Mahkamah ini merujuk kes *Lee Weng Tuck & Anor v. PP* [1989] 2 CLJ 120; [1989] 1 CLJ (Rep) 75 di mana YA Mohd Azmi HMA berpendapat:

... The statement of facts did not disclose or materially reflect the offence with which the appellants were charged, and as such the appellants admission to the defective statement could not constitute a valid and unequivocal plea of guilty.

[34] Secara ringkas dalam kes *Lee Weng Tuck & Anor* (*supra*), tertuduh pertama dan tertuduh kedua secara niat bersama s. 34 Kanun Keseksaan dengan Ooi dituduh atas kesalahan mengedar dadah heroin seberat 5,253g iaitu kesalahan di bawah s. 39B(1)(a) Akta Dadah Berbahaya 1952. Sebaik

pendakwaan memanggil seorang saksi untuk perbicaraan, tertuduh pertama dan tertuduh kedua mengaku bersalah atas pertuduhan. Fakta kes tidak mendedahkan niat bersama tertuduh kedua dengan dadah-dadah yang dijumpai oleh Ooi dalam "wooden shed". Tertuduh mengakui hanya dadah yang dijumpai dalam kereta iaitu seberat 10.6g heroin dan menafikan memiliki heroin berat 5,253g. Mahkamah Agung telah mengakaskan sabitan tertuduh kedua dan mengarahkan kes "order re-trial."

[35] Mahkamah ini bersetuju dengan penghujahan peguam *amicus curiea* iaitu laporan kimia diperlukan bagi menentukan adakah eksibit yang di rampas berupa pelbagai jenis bunga api termasuk dalam takrifan "bahan letupan" bagi maksud takrifan Peraturan-peraturan itu. Mahkamah ini bersetuju dengan penghakiman YA Tee Ah Sing H dalam kes *Chieng Yong Tiong* (*supra*) melibatkan takrifan bahan letupan. Walaupun kes *Chieng Yong Tiong* (*supra*) melibatkan perbicaraan penuh, laporan kimia diperlukan bagi mengesahkan ekshibit yang dirampas tergolong dalam bahan letupan bagi maksud Peraturan 74, Peraturan-peraturan itu.

[36] Mahkamah ini merujuk Peraturan 2, Peraturan-peraturan itu ada memperuntukan pengkelasan bahan letupan seperti berikut:

PART II.
CLASSIFICATION OF EXPLOSIVES
PRELIMINARY

2. For the purpose of these rules explosives shall be classified as follows, namely:

Class I	... ...	Gunpowder
Class II	... ...	Nitrate-mixture
Class III	... ...	Nitro-compound
Class IV	... ...	Chlorate mixture
Class V	... ...	Fulminate
Class VI	... ...	Ammunition
Class VII	... ...	Firework

And when an explosive falls within the description of more than one class it shall be deemed to belong exclusively to the latest of the class within the description of which it falls, excepting that no such explosive shall be so deemed to belong exclusively to class VII.

[37] Mahkamah ini berpendapat laporan kimia diperlukan bagi menentukan ekshibit yang dirampas oleh pengadu termasuk dalam takrifan "bahan letupan". Walaupun, OKS mengaku bersalah atas pertuduhan menjual, sebelum Peraturan 74, Peraturan-peraturan itu dipenuhi, laporan kimia diperlukan bagi mengesahkan ekshibit yang dirampas merupakan "bahan letupan".

[38] Sebagai perbandingan mahkamah ini merujuk kes *PP lwn. Mogan Supramaniam* [2024] 8 CLJ 616 melibatkan pertuduhan secara sedar mengangkut barang-barang tidak berkastam iaitu "83 Master case x 50 karton x 10 paket x 20 batang rokok putih jenama Double Happiness" iaitu satu kesalahan di bawah s. 135(1)(e) Akta Kastam 1967 (Akta itu) dan boleh dihukum di bawah s. 135(1)(v)(aa) Akta itu. Majistret kemudiannya telah menjatuhi hukuman enam bulan penjara mulai tarikh tangkap ke atas tertuduh. Mahkamah ini dalam kes *Mogan Supramaniam* (*supra*), telah memanggil rekod prosiding untuk semakan. Mahkamah ini telah meneliti fakta kes dan tiada laporan kimia yang mengesahkan "83 Master case x 50 karton x 10 paket x 20 batang rokok putih jenama Double Happiness" merupakan tembakau bagi maksud kesalahan di bawah s. 135(1)(e) Akta itu. Dalam penghakimannya, mahkamah ini berpendapat:

> [25] Mahkamah ini merujuk kes *Lee Weng Sang v. PP* [1975] CLJU 84; [1975] 1 LNS 84; [1976] 1 MLJ 82 ada menyentuh fakta kes tidak menunjukkan eksh. P4 hal perkara bagi kesalahan s. 8 Akta Senjata Api (Penalti Lebih Berat) 1971 (Akta 1971) berada dalam "serviceable condition". Walaupun tertuduh mengakui barang kes tanpa keterangan balistik ia tidak mencukupi bagi kesalahan di bawah s. 8 Akta 1971. YA Hashim Yeop A Sani H (pada ketika itu) berpendapat:
>
> > Therefore for an offence to be created under s. 8 of that Act it must be shown that the firearm concerned is capable of discharging any shot, bullet or other missile by means of an explosive charge which simply means that the firearm is in a serviceable condition. The fact that an accused pleads guilty to a charge under **s. 8 of that Act** does not, in my view, absolve the prosecution from showing that the firearm concerned is in a serviceable condition. It may be sufficient to have a bare statement to that effect in the brief facts of the case following the plea of guilty but it is most desirable that this bare statement can be supported by a report of an expert who has tested the firearm in question. It may of course not be necessary, where an accused pleads guilty, to also tender this report.
>
> [26] Berbalik kepada kes semakan semasa, mahkamah ini berpendapat jika ia melibatkan kesalahan mencuri bawah s. 379 Kanun itu, jika tertuduh mengakui barang kes ia memadai. Berbeza dengan kesalahan s. 135(1)(e) Akta itu dan hukuman s. 135(1)(v)(aa) Akta itu. Laporan kimia amat penting bagi mengesahkan rokok mengandungi tembakau. Tanpa laporan kimia pendakwaan hanya bergantung kepada pengakuan tertuduh dan ia tidak melepasi tugas undang-undang.
>
> (penekanan ditambah)

[39] Mahkamah ini berpendapat berdasarkan fakta kes yang dikemukakan oleh pendakwaan, tiada keterangan yang menunjukkan ekshibit yang dirampas oleh pengadu tergolong dalam kelas VII dan merupakan "bahan letupan". Mahkamah ini sependapat dengan hujahan peguam *amicus curiea*,

A fakta kes yang ada terdapat kelompangan yang tidak dapat menyokong pertuduhan "menjual" bagi maksud Peraturan 74, Peraturan-peraturan itu. Keadaan bertambah parah dan perumpamaan Melayu ada menyatakan "bagai jatuh ditimpa tangga" apabila laporan kimia tiada bagi mengesahkan "bahan letupan".

B **[40]** Mahkamah ini merujuk kes *Mohammad Hassan* (*supra*), natijahnya kepada fakta kes yang tidak mendedahkan kesalahan. YA Augustine Paul PK dalam penghakimannya berpendapat:

> **If the facts admitted to do not constitute the offence charged the Magistrate will then have to consider whether to discharge the accused**
> C **or enter a plea of not guilty and proceed to trial** (see *Chin Ban Keat v. R* [1949] MLJ 294 HC; *Sau Soo Kim v. PP* [1975] 2 MLJ 134 FC). In no event should the Court acquit the accused if the facts do not disclose an offence (see *PP v. Mahmud* [1974] 1 MLJ 85 HC; *PP v. Soon Tiew Choon* [1976] 1 MLJ 189 HC; *PP v. Mohamed Tarmizi* [1985] 1 MLJ 219 FC). (ii) 74 Section 173(m)(2) of the Criminal Procedure Code.
> D (penekanan ditambah)

[41] Mahkamah ini berpendapat Puan Majistret itu gagal mengikuti panduan yang diberikan dalam kes *Lee Weng Tuck & Anor* (*supra*) dan *Mohammad Hassan* (*supra*), sebaik fakta kes tidak mendedahkan kesalahan, pengakuan bersalah tertuduh di tolak dan tidak boleh merekodkan bersalah
E dan disabitkan atas pertuduhan pindaan (lampiran A)

Kesimpulan

[42] Berdasarkan alasan-alasan yang diperincikan di atas, mahkamah ini menggunakan kuasa semakan yang ada dan memerintahkan:

F (i) sabitan dan hukuman denda RM200 jika ingkar bayar sepuluh hari penjara diakaskan;

(ii) mahkamah ini memerintahkan kes dibicarakan semula di hadapan Majistret yang lainnya;

G (iii) memandangkan kesalahan Peraturan 74, Peraturan-peraturan itu memperuntukkan hukuman denda sahaja, merujuk Jadual Pertama kepada KTJ, kesalahan ini merupakan kes saman (Kod 85) dan bukannya kes tangkap (Kod 83). Di peringkat ini, mahkamah ini berpendapat tiada keperluan jaminan memandangkan kes saman;

H (iv) orang kena saman (OKS) diarahkan hadir di Mahkamah Majistret, Johor Bahru pada 29 April 2025 jam 10 pagi; dan

(v) denda (jika telah dibayar) dikembalikan kepada OKS dalam tempoh dua bulan mulai tarikh hari ini.

I